

KESAN FAKTOR INDIVIDU DAN FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP PEMATUHAN ZAKAT PENDAPATAN

Noor Hashimah Mohd Shafie
Amizawati Mohd Amir

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi melihat hubungan faktor individu iaitu faktor agama dan sikap dengan pematuhan zakat pendapatan dan hubungan kempen zakat sebagai perantara antara faktor individu dengan pematuhan zakat pendapatan tersebut. Bagi mengumpul data dan sampel, borang kaji selidik telah diedarkan kepada semua kakitangan Felda di seluruh semenanjung Malaysia. Berdasarkan maklum balas daripada 452 orang responden yang di analisis menggunakan perisian statistik SPSS dan Permodelan Struktur Persamaan AMOS, kajian menunjukkan bahawa faktor individu dan faktor persekitaran adalah signifikan dalam mempengaruhi pematuhan zakat pendapatan. Kajian juga menunjukkan faktor individu mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan zakat pendapatan melalui pengaruh faktor persekitaran. Secara umumnya kajian menunjukkan teori kognitif sosial boleh dijadikan sebagai teori di dalam menilai gelagat pematuhan zakat pendapatan ini. Penemuan dalam kajian ini boleh digunakan oleh pihak institusi zakat sebagai input dalam memantapkan lagi pengurusan zakat serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kewajipan pembayaran zakat pendapatan.

Kata kunci : Faktor individu, faktor persekitaran, pematuhan zakat pendapatan, felda, teori kognitif sosial.

1. PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam dan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Islam sebagai penyucian diri, harta dan masyarakat. Zakat juga salah satu rukun Islam yang bersifat memberi perhatian pembangunan sosio-ekonomi. Perbincangan mengenai zakat dalam konteks ibadah tidak boleh secara terpisah dengan aspek sosio-ekonomi kerana peranan utama zakat adalah membantu golongan yang kurang berkemampuan berdasarkan konsep masalah (Al-Qaradawi 1994). Zakat pendapatan ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada asnaf yang berhak setelah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak. Zakat pendapatan timbul daripada konsep zakat *al-mal al-mustafad* (zakat harta perolehan). Konsep *al-mal al-mustafad* bermaksud mewajibkan zakat ke atas mana-mana harta perolehan dari hasil usaha tanpa sebarang proses pertukaran (jual-beli), secara ringkasnya ia diperolehi dengan sebabnya tersendiri seperti gaji, upah kerja, elaun, hadiah dan lain-lain (Fatwa Di Bawah Seksyen 34).

Zakat wajib dikeluarkan ke atas pendapatan daripada penggajian Islam termasuklah apa-apa upah, gaji, elaun, imbuhan dan bonus. Oleh itu adalah wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada penggajian tersebut. (Bertarikh 9 April 1999) (Fatwa Kebangsaan Tentang Zakat Gaji & Pendapatan Profesional). Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat (Raedah, Noormala & Marziana 2011).

Di Malaysia, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri bagi meningkatkan kutipan zakat seperti penubuhan badan korporat untuk kutipan dan pengagihan zakat namun pematuhan zakat masih lagi berada di tahap yang belum memuaskan di kalangan rakyat Malaysia. Raedah, Noormala & Marziana (2011) juga mendapati jumlah kutipan zakat jauh lebih rendah berbanding jumlah kutipan oleh pihak Lembaga Hasil dalam Negeri. Perkara ini menjadi persoalan di dalam pelbagai kajian sebelum ini berkaitan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pematuhan zakat. Disebabkan pembayaran zakat adalah secara sukarela, maka timbul juga faktor-faktor individu yang menentukan tahap pembayaran zakat pendapatan di Malaysia. Dan ini disokong dengan terdapatnya banyak kajian lepas yang membuktikan faktor individu dan faktor persekitaran yang menyumbang kepada pematuhan zakat. Kajian yang dijalankan oleh Pengarah Besar Pusat Kutipan Zakat Wilayah menunjukkan 34.4% orang Islam yang bekerja di Kuala Lumpur tidak membayar zakat kepada institusi zakat dan faktor-faktor individu iaitu faktor sikap mempengaruhi pematuhan zakat. Ini menunjukkan individu itu sendiri yang mempengaruhi pematuhan zakat seseorang dan peranan setiap individu itu sendiri di dalam melaksanakan tanggungjawab. Kesedaran individu memainkan peranan penting di dalam pematuhan zakat dan peranan ini disokong oleh kajian lepas Abdul Lateff dan Palil (2011), di mana kajian telah dijalankan di sekitar Negeri Selangor dan Kuala Lumpur untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kefahaman agama memberikan pengaruh terbesar dalam pembayaran zakat seseorang. Ini kemudiannya diikuti oleh faktor kesedaran tentang kepentingan zakat, faktor jumlah bayaran zakat yang kurang membebaskan, faktor keimanan, faktor pengauhan rakan, faktor insentif rebat cukai dan yang terakhir kepercayaan terhadap institusi zakat.

Seterusnya artikel ini akan mengulas kajian lepas berkaitan pematuhan zakat, faktor individu dan faktor persekitaran serta membentuk hipotesis kajian. Ini diikuti perbincangan kaedah dan penemuan kajian. Implikasi dan cadangan kajian lanjut akan dibincangkan di akhir artikel ini.

2. ULASAN KARYA DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS

2.1 Pematuhan Zakat Pendapatan

Pada masa kini, terdapat banyak kajian yang mengkaji berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan zakat. Pematuhan zakat menjadi isu yang penting apabila di dapati pematuhannya masih rendah di kalangan individu muslim di dalam pembayaran zakat pendapatan Terdapat hanya 4.2% muslim yang melaksanakan tanggungjawab membayar zakat di Wilayah Persekutuan (Mohd Ali et al 2004). Kamil (2005) dan Harunizam (2005) juga mendapati keputusan yang sama di negeri sebelah utara. Hanya 35% muslim di setiap negeri membayar zakat pendapatan di Kedah dan Perlis. Walaupun terdapat peningkatan dari segi kutipan zakat setiap tahun, kajian lepas menunjukkan relatif pematuhan zakat di kalangan muslim di Malaysia masih rendah. Raedah dan Noormala (2011) mengatakan jumlah kutipan zakat masih jauh rendahnya berbanding jumlah kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Nur Barizah & Hafiz (2010) merumuskan hanya 33% daripada jumlah pembayar cukai di IIUM membayar zakat manakala kajian Farah Mastura & Zainol (2013) merumuskan hanya 56% daripada responden yang bekerja di sector awam di Kedah membayar zakat. Ini menunjukkan pematuhan zakat masih rendah di Malaysia dan tindakan yang lebih produktif perlu dijalankan bagi meningkatkan lagi kutipan zakat di masa hadapan. Di dalam kajian ini, gelagat pematuhan zakat pendapatan adalah sebagai pemboleh ubah bersandar, di mana ia adalah gelagat pembayaran zakat melalui institusi zakat.

2.2 Faktor Individu (Agama dan Sikap)

Di Malaysia, pembayaran zakat adalah secara sukarela dan bukan wajib. Masyarakat Islam di Malaysia mempunyai pilihan sama ada untuk membayar zakat atau tidak membayar zakat. Ini berbeza dengan dengan pembayaran cukai di mana ia adalah diwajibkan dan sekiranya tidak membayar cukai, para pembayar cukai boleh dikenakan penalti da tindakan undang-undang. Melihat kepada perkara ini, faktor individu menjadi di antara faktor utama yang mempengaruhi pembayar zakat untuk membayar atau tidak membayar zakat. Di antara faktor individu yang akan dibincangkan di dalam kajian ini ialah faktor agama dan sikap.

Agama ialah kepercayaan kepada tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahnya mengikut Al-Quran dan Hadis (Harun et al 1991). Agama memainkan peranan yang penting di dalam mempengaruhi gelagat seseorang individu (Gilbert 2008), kajiannya menunjukkan seseorang pelajar jurusan perniagaan yang mempunyai pegangan agama yang tinggi kurang untuk menipu di dalam kelas berbanding pelajar yang kurang pegangan agamanya. Jackson & Milliron (1986) melaporkan di dalam beberapa kajian cukai mendapati agama meningkatkan tahap pematuhan cukai seseorang individu. Di dalam kajian lepas yang mengkaji faktor dalaman dan luaran di dalam pematuhan zakat menunjukkan faktor dalaman agama di antara faktor yang mempunyai hubungan signifikan dengan pematuhan zakat pendapatan (Kamil 2002). Kajian ini disokong oleh Zainol (2008) dan mengatakan agama dapat mempengaruhi gelagat pematuhan zakat seseorang individu.

Sikap merupakan tahap penilaian baik atau tidak baik seseorang bagi sesuatu tingkah laku. Jika individu percaya bahawa sesuatu tingkah laku memberikan hasil yang baik, maka mereka akan mempunyai sikap yang baik terhadap tingkah laku tersebut dan begitulah sebaliknya (Ajzen 1991). Sikap berupaya mempengaruhi niat terhadap tingkah laku (Buttle & Bok 1996; Gotch & Hall 2004). Di dalam mengkaji gelagat pematuhan zakat, sikap merupakan di antara faktor penting yang mesti dikaji kerana pemahaman sikap seseorang individu boleh membantu pihak institusi zakat di dalam mempengaruhi peningkatan kutipan zakat pada masa akan datang. Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pematuhan zakat pendapatan (Kamil 2002; Azura Mohd Noor 2016). Raedah, Noormala & Marziana (2011), di dalam kajian mereka relevan faktor yang mempengaruhi golongan akademi di dalam niat untuk membayar zakat menunjukkan sikap adalah faktor penting yang dapat mempengaruhi niat membayar zakat di dalam golongan akademi. Pendapatan ini juga disokong oleh penemuan daripada Mohamad Nizam, Amirul (2011), dimana kajian ini mendapati pemboleh ubah sikap terhadap gelagat pematuhan zakat mempunyai hubungan signifikan dan positif terhadap gelagat ketidakpatuhan zakat pendapatan. Berdasarkan kajian-kajian lepas hipotesis yang di jangkakan adalah seperti berikut:

H1a: Agama berhubungan positif dengan pematuhan zakat pendapatan.

H1b: Sikap berhubungan positif dengan pematuhan zakat pendapatan.

2.3 Faktor Persekitaran (Keberkesanan kempen)

Melalui kajian-kajian mengenai gelagat kepatuhan berzakat, hampir semua kajian yang membangunkan model kepatuhan pembayaran zakat meletakkan peranan institusi zakat sebagai faktor yang signifikan. Dalam kajian yang dibuat oleh Hairunnizam & Sanep Ahmad (2014), menunjukkan bahawa masyarakat cenderung untuk membayar zakat secara formal kepada institusi zakat. Dalam kajian beliau menunjukkan 89.5% responden cenderung untuk membuat pembayaran zakat secara formal berbanding 10.5% sahaja yang berminat untuk membuat agihan terus kepada asnaf penerima. Persoalan sekarang adalah apakah aspek yang perlu ditekankan oleh institusi zakat supaya masyarakat bertindak untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Hasil daripada kajian lepas terdapat empat aspek utama yang memberikan sumbangan langsung kepada pembayaran zakat iaitu kualiti perkhidmatan, aktiviti dakwah yang memberi kesedaran dan kefahaman tentang zakat, keberkesanan agihan zakat dan urus tadbir zakat yang baik. Susulan daripada kajian ini menunjukkan faktor keberkesanan kempen memainkan peranan di dalam mempengaruhi gelagat pematuhan zakat pendapatan.

H2: Keberkesanan kempen berhubungan positif terhadap pematuhan zakat pendapatan.

H3a: Agama berhubungan positif dengan pematuhan zakat pendapatan melalui keberkesanan kempen.

H3b: Sikap berhubungan positif dengan pematuhan zakat melalui keberkesanan kempen.


3. METODOLOGI KAJIAN

Unit analisis dalam kajian ini adalah terdiri daripada kakitangan muslim yang berkhidmat di Felda iaitu sebuah organisasi badan berkanun di seluruh semenanjung Malaysia. Di bawah Felda terdapat sepuluh wilayah di semenanjung Malaysia mewakili negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Johor. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dihantar melalui pos kepada seorang wakil di setiap wilayah di semenanjung Malaysia. Wakil kakitangan tersebut kemudian akan mengedar dan mengumpul soal selidik tersebut di wilayah dan rancangan masing-masing. Persampelan secara rawak dibuat berdasarkan anggaran jumlah kakitangan di setiap wilayah dan rancangan masing-masing.

Kajian ini mempunyai empat pembolehubah iaitu satu pembolehubah bersandar, dua pembolehubah tidak bersandar dan satu pembolehubah perantara. Soal selidik terdiri daripada instrumen yang digunakan untuk mengukur pembolehubah bersandar iaitu pembayaran zakat. Ini diikuti dengan instrumen untuk mengukur pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor keagamaan dan faktor sikap. Akhirnya, instrumen untuk mengukur pembolehubah pengantara iaitu faktor persekitaran.

Soalan di dalam soal selidik dibina berdasarkan kajian Farah Mastura & Zainol Bidin (2015), bagi bahagian pengukuran pemboleh ubah sikap dan pematuhan zakat manakala soalan bahagian agama dibina berdasarkan kajian Kamil Md Idris (2102). Soalan untuk bahagian keberkesanan kempen di bina berdasarkan kajian oleh Merdeka Centre for Opinion Research 2016. Kesemua item diukur menggunakan skala *Likert* pada jeda 5 (Hair et al. 2006), iaitu skor 5 mewakili sangat setuju, skor 4 mewakili setuju, skor 3 mewakili tidak pasti, skor 2 mewakili tidak setuju dan skor 1 mewakili sangat tidak setuju. Berikut adalah kerangka kerja yang dibentuk berdasarkan hipotesis.

Jadual 1 : Kerangka kerja



4. DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 800 soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan di setiap wilayah dan rancangan. Daripada 800 soal selidik yang diedarkan, 523 (65.38%) soal selidik dikembalikan dan 452 (57.25%) sahaja yang dapat digunakan kerana tidak dijawab dengan lengkap. Merujuk jadual 1, responden terdiri daripada 452 responden dengan nisbah dalam peratus lelaki sebanyak 55.5% peratus dan perempuan sebanyak 44.5%. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 2, responden kajian diwakili oleh latar belakang yang menyeluruh daripada aspek jantina, umur, jawatan dan pendapatan sebulan.

Jadual 2 : Analisis Demografi (Jantina, Umur, Gred Jawatan, Pendapatan Sebulan)

Demografi	Bilangan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	251	55.5
Perempuan	201	44.5
Umur		
18 - 25 tahun	50	11.1
26 - 35 tahun	191	42.3
36 - 45 tahun	43	9.5
46 tahun dan ke atas	168	37.2
Gred Jawatan		
28 dan ke bawah	306	67.7
29 - 40	86	19.0
41-51	34	7.6

52 dan ke atas	26	5.7
Pendapatan Sebulan		
RM 4,000 dan ke bawah	57	12.6
RM 4,001 – 5,000	199	44.0
RM 5,001 – 6,000	125	27.7
RM 6,001 – 7,000	56	12.4
RM 7,001 dan ke atas	15	3.3


4.1 Ujian Kebolehpercayaan dan Kesahihan Data

Semua item kebolehpercayaan diuji menggunakan Cronbach Alpha (Nunally 1978) Keputusan adalah bagus sekiranya nilai item melebihi 0.70. Di dalam kajian ini, keputusan menunjukkan nilai sebanyak 0.922 bagi kesemua 16 item. Di dalam kajian ini juga menggunakan kaedah Analisis Prinsipal Komponen (PCA) dengan ‘Varimax Rotation’ telah dijalankan ke atas 16 item. Keiser-Meyer Olkin (KMO) dan Bartlett Test Sphericity (BTOS) telah digunakan sebagai pengukuran skala. KMO dan BTOS diguna pakai untuk menguji kecukupan pensampelan dan mengetahui kesesuaian faktor analisis (Hair et al., 1998). Dapatan kajian menunjukkan nilai ujian Bartlet adalah signifikan (P-Value < 0.05). Pada masa yang sama, nilai ukuran kecukupan oleh Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah di antara 0.70 hingga 0.85 iaitu melebihi nilai minimum 0.6 (Awang 2010; 2012; Hoque et al. 2016) Kedua-dua pencapaian ini mencerminkan data adalah layak untuk prosedur di Analisis Faktor Penerokaan.

4.2 Permodelan Persamaan Berstruktur

Struktur model di bawah diwujudkan untuk membuat ujian terhadap hipotesis kajian ini apabila kebolehpercayaan dan kesahihan data terhadap model telah mencapai seperti yang dikehendaki. Jadual 3 menggambarkan keputusan kajian daripada hubung kait di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 3: Dapatan daripada Regresi




Jadual 4 menunjukkan hasil ujian terhadap lima hipotesis kajian. Hasil ujian hipotesis menggambarkan terdapat empat hipotesis yang menunjukkan signifikan manakala hubungan di antara faktor sikap dengan pematuhan zakat tidak signifikan ($\beta=.149, p = .217$). Ini menunjukkan bagi hipotesis H1a dan H2 keputusan adalah menyokong kedua hipotesis ini dimana agama dan keberkesanan kempen berhubung positif dengan pematuhan zakat pendapatan. Walaubagaimanapun bagi hipotesis H1b menunjukkan hubungan yang tidak signifikan oleh itu hipotesis H1b tidak disokong.

Jadual 4: Regresi Coefficient (beta) and signifikan

Konstruk	Estimate	S.E.	C.R.	β	Keputusan
FA - PZ	0.29	.090	3.198	.29***	Disokong
FS - PZ	0.149	.121	1.235	.15	Tidak Disokong
KK - PZ	0.581	.078	7.422	.58***	Disokong

***signifikan $p < 0.01$


4.3 Perantara Analisis



Zainudin (2015), mencadangkan untuk menggunakan prosedur ini bagi menguji pembolehubah perantara. Merujuk Jadual 4, prosedurnya adalah seperti berikut:

Faktor Agama

- (1) Hubungan tidak langsung = $(.60 \times .58) = .348$
- (2) Hubungan langsung = .29
- (3) Hubungan tidak langsung > hubungan langsung = perantara wujud
- (4) Jenis perantara = perantara separuh apabila hubungan langsung masih signifikan selepas perantara wujud dalam model.



Faktor Sikap

- (1) Hubungan tidak langsung = $(.81 \times .58) = .470$
- (2) Hubungan langsung = .15

- (3) Hubungan tidak langsung > hubungan langsung = perantara wujud
- (4) Jenis perantara = perantara penuh apabila hubungan langsung tidak signifikan selepas perantara wujud dalam model.

Di dalam kajian ini, ujian perantara perlu di uji semula dengan menggunakan bootstrapping prosedur bagi mengesahkan kewujudan hubungan perantara ini seperti yang dicadangkan oleh Zainudin (2015). Ujian ini menggunakan Maximum Likelihood *Bootstrapping* prosedur dengan *bootstrapping* sampel sebanyak 1000 dan ‘bias correction confidence interval’ sebanyak 95%. Keputusan daripada ujian ini di tunjukkan di dalam Jadual 5 dan membuktikan ujian prosedur normal yang di jalankan sebelum ini mempunyai keputusan yang konsisten dengan ujian *bootstrapping* ini, di mana wujud hubungan perantara yang signifikan di antara pembolehubah bersandar faktor sikap dan agama dengan pembolehubah tidak bersandar, pematuhan zakat.

Jadual 5 : Keputusan ujian *bootstrapping* untuk mengkaji hubungan mediating di antara faktor agama dan sikap dengan pematuhan zakat

Faktor Agama	Hubungan tidak langsung, P-Value	Hubungan Langsung, P-Value
<i>Bootstrapping</i> P-Value	0.001	0.002
Keputusan	Signifikan	Signifikan
Jenis perantara	Perantara Separa	

Faktor Sikap	Hubungan tidak langsung, P-Value	Hubungan Langsung, P-Value
<i>Bootstrapping</i> P-Value	0.002	0.261
Keputusan	Signifikan	Tidak Signifikan
Jenis perantara	Perantara Penuh	

Keputusan yang diperolehi daripada kedua-dua prosedur menunjukkan keputusan yang sama di antara prosedur biasa dengan *bootstrapping* dan sekiranya terdapat keputusan yang berbeza keputusan *bootstrapping* akan di ambil kira (Zainudin 2015).

Hipotesis perantara H3a dan H3b di sokong dengan menunjukkan H3a bersifat perantara separa manakala H3b bersifat perantara penuh. Ini menunjukkan agama berhubung positif dengan pematuhan zakat pendapatan melalui keberkesanan kempen dan sikap berhubung positif dengan pematuhan zakat pendapatan melalui keberkesanan kempen. Secara rumusnya, ternyata hasil analisis SEM ini menyokong sebahagian daripada hipotesis kajian. Daripada 3 hipotesis dengan 2 sub-hipotesis yang dibina, 3 hipotesis yang menyokong hanya 1 sub-hipotesis yang tidak di sokong.

5. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Penemuan kajian ini membuktikan wujudnya hubungan antara faktor individu (agama dan sikap) dan faktor persekitaran (keberkesanan kempen) dengan pematuhan zakat pendapatan. Faktor agama menunjukkan hubungan yang signifikan sama ada melalui hubungan secara langsung atau tidak langsung terhadap pematuhan zakat. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi agama seorang individu itu semakin tinggi pematuhan zakat. Kajian ini menunjukkan seseorang individu itu lebih cenderung untuk membayar zakat walaupun persekitaran tidak menggalakkan untuk berbuat demikian sekiranya mempunyai pegangan agama yang kuat. Keputusan faktor sikap bagaimanapun, menunjukkan sikap tidak mempunyai hubungan positif dengan pematuhan zakat pendapatan. Penemuan kajian ini dilihat berbeza dengan dapatan kajian lepas berkaitan pematuhan zakat dimana sikap berhubung positif dengan pematuhan zakat. Namun penemuan kajian ini disokong oleh kajian lepas yang mengkaji bidang yang berlainan. Kajian LaPiere’s contohnya, menunjukkan kognitif dan perasaan komponen di dalam gelagat (e.g. tidak menyukai orang china) tidak bertetapan atau selari dengan gelagat. (McLeod S.A. 2009). Kajian Corey (1937) juga menyatakan tiada hubungan di antara sikap pelajar terhadap gelagat penipuan. Malah terdapat banyak kajian yang dulu menyatakan sikap tidak semestinya mempengaruhi gelagat seperti kajian Martin Fishbien (1967;1975), Wicker (1969) dan Hog and Vaugan (2005). Namun begitu, hubungan di antara faktor sikap dengan pematuhan zakat menjadi signifikan setelah dimasukkan perantara iaitu keberkesanan kempen di dalam regresi. Ini menunjukkan seorang individu itu akan menjurus untuk patuh pada pembayaran zakat sekiranya terdapat kempen yang berkesan yang direncanakan oleh pusat zakat. Dalam masa yang sama, seorang individu itu walaupun mempunyai sikap yang baik tetapi tidak mendapat pengaruh daripada kempen tersebut akan berkemungkinan tidak patuh pada pembayaran zakat. Kajian ini juga menyumbang kepada kajian teori kognitif sosial di mana dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara faktor individu dan faktor persekitaran dengan gelagat individu.

Kajian ini seterusnya diharap dapat membantu organisasi-organisasi luar seperti Felda untuk mengetahui faktor-faktor individu yang mempengaruhi pembayaran zakat dengan menggalakkan kakitangan membuat pembayaran zakat di institusi zakat disamping memberi peluang kepada institusi zakat mempromosikan kempen dan aktiviti untuk menambahkan lagi kesedaran membayar zakat di kalangan kakitangan. Secara tidak langsung ia boleh membantu institusi zakat mempromosikan kempen dan aktiviti pihak institusi mereka di kawasan luar bandar memandangkan institusi felda yang di buat kajian majoritinya terletak di kawasan luar bandar. Dapatan kajian ini juga memberi gambaran kepada institusi zakat untuk mengkaji keberkesanan kempen yang dilakukan agar impak daripada kempen yang dilakukan dapat memberi kesedaran yang tinggi kepada individu untuk membuat pembayaran zakat kepada institusi zakat.

Seperti kebanyakan kajian lain, kajian ini mempunyai batasan kajian yang harus diambil kira semasa menilai dapatan kajian. Pemilihan responden yang terhad kepada kakitangan di institusi Felda, menjadikan kajian ini tidak dapat menggambarkan

keseluruhan individu di seluruh Malaysia. Pemilihan kaedah soal selidik lebih bersifat persepsi individu memberi pandangan peribadi yang boleh menyebabkan kecederungan berlakunya bias. Secara umumnya, terdapat banyak lagi faktor yang boleh dikaji bagi memberi gambaran kepada institusi zakat dalam meningkatkan lagi kesedaran individu untuk membayar zakat pendapatan yang terdiri daripada pelbagai faktor dalaman dan persekitaran. Kajian pada masa hadapan juga boleh di lanjutkan dengan melibatkan responden yang lebih menyeluruh lagi di mana responden yang akan dipilih adalah melibatkan pelbagai organisasi di seluruh Malaysia.

RUJUKAN

- Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan, 2014. Faktor Penentu Pembayaran Zakat Oleh Entiti Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Teori. *Jurnal Syariah*, Jil.22 Bil 3:295-322.
- Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said, 2014. Pentadbiran Zakat dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat di Daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika* 2:1: 125-134.
- Ajzen I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50(2), 179-211.
- Al-Qaradawi (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Behaviour & Social Science Research. Important Theories and Their Key Constructs.
http://www.esourceresearch.org/Portals/0/Uploads/Documents/Public/Glanz_FullChapter.pdf [21.03.2016]
- Communication for Governance & accountability Program. Theories of Behavior Change.
<http://siteresources.worldbank.org/EXTGOVACC/Resources/BehaviorChangeweb.pdf> [22.03.2016].
- Chad Gotch & Troy Hall 2007. Understanding Nature-related Behavior Among Children Through of Theory Reasoned Action. *Environment Education Research* Volume 8: 157 – 177.
- Corey, S.M. 1937. Professed attitudes and actual behavior. *Journal of Educational Psychology*, 28:271-280.
- Eza Ellany Abdul Lateff & Mohd Rizal Palil 2011. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Pendapatan di Malaysia. *Prosiding Perkem VI*. Jilid 1: 148-159.
- Farah Mastura Noor Azman & Zainol Bidin, 2015. Factors Influencing Zakat Compliance Behavior on Saving. *International Journal Of Business and Social Research* Volume 05: 13-16.
- Fishbein, M. 1967. Attitude and the prediction of behavior. In M Fishbein (Ed), *Readings in Attitude theory and measurement* (pp. 477-492). New York: Wiley.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. 1975. *Belief, attitude, attention, and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison: Wesley.
- Francis Buttle & Bungkwon Bok 1996. Hotel Marketing Strategy & the Theory of Reasoned Action Research. *International Journal of Contemporary Hospitality Management* Volume 8: 5-10.
- Gilbert, S. S. 2008. The Influences of Islam on AIDS prevention among Senegalese university students. *AIDS Education and Prevention* 20(5): 399-407.
- Hair, J. F., Black, W.C, Babin, B.J., Anderson, R.E. & Tatham, R.L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. 6th edition. New Jersey: Pearson International Edition.
- Harun, D. Mohd Sulaiman, Y. Hassan, S. & Sidi, G. 1991. *Manusia dan Islam*. Volume 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hogg, Micheal A. And Vaughan 2002 *Social Psychology*. Essex: Pearson Education Limited. 150-171.
- Jackson, B.R. & Milliron, V.C. 1986. Tax Compliance research: Findings, problem and prospect. *Journal of Accounting Literature* 5: 125-165.
- Kamil Md Idris, Z. Bidin, RAJ. Saad. 2012. Ukuran Nilai Keagamaan Islam & Hubungannya dengan Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. *Jurnal Pengurusan* Volume 34: 3-10.
- Lembaga Zakat Selangor. Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2015. <http://www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/> [10.04.2016]
- Lembaga Zakat Pahang. Laporan Kutipan Zakat Pahang 2015. <http://zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-49-36/kutipan-zakat/2015.10.04.2016>
- McLeod S. A. 2009. Attituded Measurement Simply Psychology Available at <http://www.simplypschoogy.org/attitudemeasurement.html>.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md. Nor, 2004. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Uniersiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat* 26(2):59-67.
- Mohd Rahim B Khamis, Ariffin Md Salleh & Abd Samad Naw, 2011. Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition. 8th International Conference on Islamic Economics and Finance.
- Mohd Rizal Palil, Mohd Rusyidi Md Akir & Wan Fadillah Bin Wan Ahmad, 2013. The Perception of Taxpayers on Tax Knowledge and Tax Education With Level of Tax Compliance: A Study the Influenc of Religiosity. *Asean journal Of Economics, Management and Accounting* 1(1): 118-129.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohamad Ali Roshidi Ahmad, 2013. Compliance of Zakah Payment: Analysis of Zakat Fitrah Collection and Leakage in Selangor. *Shariah Journal*, Vol. 21, No. 2: 191-206.
- Nur Barizah Abu Bakar & Hafiz Majdi Abdul Rashid, 2010. Motivation of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance* Vol2 No 3:26-28
- Raedah, Noormala & Marziana 2011. Kajian terhadap Zakat Penggajian: Faktor yang Mempengaruhi Akademik dalam Niat Pembayaran Zakat. 2nd International Conference of Business and Economic Research (2nd ICBER 2011) Proceeding. 2492-2507.

- Ram Al Jaffri, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Md Hairi Md Hussain, 2010. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. *Jurnal Pengurusan* 30: 49-61.
- Ram Al-Jafri, Kamil Md Idris & Zainol Bidin, 2009. Peraturan Pembayaran Zakat kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah*, Jil 17, Bil 3: 607-630
- Sanep Ahmad, Nor Ghani Md. Nor & Zulkifli Daud, 2011. Tax-Based Modeling of Zakat Compliance. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 4: 101-168.
- Wicker A. W. 1969. Attitudes versus actions: The relationship of Verbal and overt behavioral responses to objects. *Journal of Social Issues* 25: 41-78.
- Zaharah Salwati Baba, Hashim Jusoh, Habsah Muda, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman, 2010. Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Jld. 3: 97-113
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris, 2009. Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat Ditanggap Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *IJMS* 16(1): 31-55.
- Zainudin, A. (2015). *SEM made simple, a gentle approach to learning structural equation modeling*. Selangor: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.
- Zunaidah Bt Ab Hasan, Azhana Othman & Nor Shahrina Mohd Rafien 2011. Relationship on Economic dan Attitude Factors Towards Evasion On Zakat Of Income : A Study Among Public Servants In Melaka. Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

Noor Hashimah Mohd Shafie
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Email: nhsms1@gmail.com,

Amizawati Mohd Amir
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Email: amiza@ukm.edu.my